

Masalah Kampuchea perkara utama dibincang



MM 17 NOV 1985

KOTA BAHARU 16 Nov. — Masalah Kampuchea merupakan di antara beberapa perkara utama yang akan dititikberatkan oleh Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad sempena lawatan beliau ke negara China pada 29 November ini, kata Menteri Luar, Tengku Ahmad Rithauddeen.

Ini, katanya, memandangkan kedudukan keselamatan negara-negara anggota ASEAN terancam selagi masalah yang berlaku di Kampuchea sekarang tidak diselesaikan segera, terutama negara Thailand.

Beliau menyatakan, Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir akan berunding dan meminta Perdana Menteri China supaya turut sama memainkan peranan dalam menyelesaikan masalah yang berlaku di Kampuchea demi keselamatan negara anggota ASEAN di rantau ini.

Berucap di majlis perjumpaan muhibah antara ahli-ahli jawatankuasa UMNO bahagian Pengkalan Cepa dengan anggota-anggota MCA bahagian tersebut di bangunan UMNO di sini petang semalam beliau percaya melalui kerjasama negara China yang pernah membuat perhubungan diplomatik sebelum ini, masalah Kampuchea dapat diselesaikan.

Katanya, Malaysia bimbang selagi ada tentera Vietnam di Kampuchea keselamatan negara-negara ASEAN tidak terjamin.

Selain dari itu beliau yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan menyatakan, masalah perhubungan perdagangan terus dengan China juga akan dibincangkan oleh Perdana Menteri sempena lawatan beliau tersebut.

Ini tambahnya, memandangkan kedudukan aliran perdagangan antara Malaysia dan China masih tidak seimbang.

Beliau membayangkan,

mata-mata mengimport barang-barang dagangan dari negara China, sedangkan China masih kurang mengimport barangan negara Malaysia.

Beliau percaya sempena lawatan Perdana Menteri ke negara tersebut kedudukan ketidakeimbangan aliran perdagangan dengan China yang sudah lebih lima tahun akan berubah.

Dalam ucapan seterusnya, Tengku Ahmad Rithauddeen juga menasihatkan masyarakat Cina dan Melayu di negeri ini supaya menubuhkan sebuah syarikat secara usahasama dalam mengendalikan urusan buah-buahan tempatan untuk eksport ke luar negeri secara moden.

Menurutnya, buah-buahan tempatan sekiranya diurus secara moden boleh mendapat pasaran di luar negeri kerana banyak negara luar suka kepada buah-buahan tempatan.

"Banyak negara luar menyatakan suka makan buah-buahan tempatan negara kita setiap kali saya mengunjungi negara luar," katanya.

Katanya lagi, terdapat beberapa buah syarikat antarabangsa turut menyatakan minat untuk membuat kajian dan menanam buah-buahan tempatan di negara ini secara moden bagi dieksport secara besar-besaran.